



**JABATAN KEWANGAN
LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)**

ARAHAN KEWANGAN BILANGAN 44 TAHUN 2018

**PENYEDIAAN PERMOHONAN BAYARAN BAGI PELAKSANAAN
CUKAI JUALAN DAN PERKHIDMATAN (“SST”)**

Kepada : **Semua Pengarah**
 Semua Ketua Unit
 Semua Pengurus Besar Wilayah
 Semua Pengurus Rancangan

TUJUAN

Arahan kewangan ini bertujuan untuk memaklumkan pembatalan Arahan Kewangan Bil. 28 bertarikh 1 April 2015 dan pindaannya pada Arahan Kewangan Bil. 43 bertarikh 28 Mei 2018.

1.0 PENDAHULUAN

Bermula 1 September 2018, sistem Cukai Barang dan Perkhidmatan atau *Goods Services and Tax* ("GST") telah ditukar kepada sistem Cukai Jualan dan Perkhidmatan atau *Sales and Services Tax* ("SST"). Sehubungan itu, sistem percukaian Cukai Barang dan Perkhidmatan atau *Goods and Services Tax* ("GST") telah dimansuhkan berkuatkuasa 1 September 2018. FELDA merupakan sebuah organisasi yang tidak tergolong dalam kumpulan syarikat perlu mendaftar SST.

2.0 PENERIMAAN INBOIS UNTUK BAYARAN

2.1 Nombor SST Vendor

Vendor atau Pembekal yang mengeluarkan inbois kepada FELDA perlu mempunyai nombor pengenalan SST. Adalah diingatkan bahawa pemohon bayaran bertanggungjawab untuk memastikan nombor pengenalan SST *vendor* adalah masih aktif bagi melayakkan FELDA menanggung kadar cukai SST. Pemohon boleh menyemak status nombor pengenalan SST *vendor* di laman sesawang Kastam Diraja Malaysia seperti di Lampiran 1.

2.2 Tarikh Inbois

Tarikh inbois yang berkaitan arahan kewangan ini adalah bagi inbois bermula 1 September 2018 dan seterusnya. Bagi inbois yang bertarikh 31 Ogos 2018 dan sebelumnya *posting* mestilah dilakukan menggunakan kod cukai GST. Untuk makluman, Jabatan Kewangan akan memansuhkan sepenuhnya kod cukai GST bermula 22 Disember 2018. Sehubungan itu, perlaksanaan *posting* di dalam tempoh era GST perlu di selesaikan sebelum tarikh tersebut.

2.3 Kod Cukai

Kod cukai bagi penyata-penyata penerimaan wang seperti inbois, nota nota debit, nota kredit atau apa-apa penyata lain adalah seperti berikut:

Bil	Kod Cukai	Keterangan
i.	J0	Sales exempted/ jualan dikecualikan cukai
ii.	P0	Service exempted / perkhidmatan dikecualikan cukai

Manakala, kod cukai bagi pembayaran pula adalah seperti berikut:

Bil	Kod Cukai	Keterangan
i.	C0	Tiada SST
ii.	C1	Cukai Jualan 5%
iii.	C2	Cukai Perkhidmatan 6%
iv.	C3	Cukai Jualan 10%

2.4 Dokumen Permohonan Bayaran

Dokumen permohonan bayaran hendaklah dilampirkan bersekali dengan invois asal yang diterima oleh Jabatan/Wilayah/Rancangan berkenaan. Dokumen yang telah diproses bayaran hendaklah disimpan untuk rujukan oleh Jabatan/Wilayah/Rancangan selaras dengan peruntukan Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629).

TARIKH KUAT KUASA

3.0 Arahan kewangan ini berkuatkuasa dari tarikh arahan ini dikeluarkan. Arahan ini membatalkan Arahan Kewangan Bil. 28 bertarikh 1 April 2015 dan pindaannya iaitu Arahan Kewangan Bil. 43 bertarikh 28 Mei 2018.

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD SHAHRIN MOHD ALI)
Pengarah Kewangan
FELDA

Tarikh : 1 September 2018

s.k : Pengarah Besar
Timbalan Pengarah Besar (Ekonomi)
Timbalan Pengarah Besar (Pengurusan)
Timbalan Pengarah Besar (Pembangunan Komuniti)

Berikut adalah tatacara bagi menyemak dan mengesahkan nombor pendaftaran SST vendor yang AKTIF. Sekiranya nombor pendaftaran SST atau nombor syarikat tidak daftarkan di mySST, pengguna dinasihatkan untuk menghubungi semula vendor berkenaan untuk mendapatkan inbois baru dengan nombor pendaftaran SST vendor yang telah AKTIF:

- Log masuk ke <https://mysst.customs.gov.my/> dan klik status pendaftaran

The screenshot shows the official website of the Royal Malaysian Customs Department (RMCD) for Malaysia Sales & Service Tax (SST). The top navigation bar includes links for Bahasa Malay, Pengecualian, Penyata & Pembayaran, Pendaftaran Baharu, Status Pendaftaran (highlighted with a red box), Log Masuk, and Dapatkan Semula Permohonan.

The main content area features the logo of the Royal Malaysian Customs Department and the text "Laman Web Rasmi CUKAI JUALAN & PERKHIDMATAN MALAYSIA (CJP) Jabatan Kastam Diraja Malaysia". Below this, there is contact information: email (ccg@customs.gov.my), phone number (1300 888 500), and links for Mengenal CJP, Industri, Perundangan & Panduan, Sorotan CJP, and Hubungi Kami.

A large banner titled "Paparan Buletin" displays the latest notices. One notice is highlighted in yellow:

Pengumuman Terkini Seterusnya

- [17/10/2018] - Tax Return (SST-02) Submission Programmed Organized By RMCD Negeri Sembilan [More >](#)
- [17/10/2018] - SST Hand-Holding Programmed Organized By RMCD Kedah (Sales Tax and Service Tax) [More >](#)
- [16/10/2018] - System SST maintenance on 17 October 2018 time 5.00 pm to 6.00 pm [More >](#)
- [11/10/2018] - SST Hand-Holding Programmed Organized By RMCD Pulau Pinang (Sales Tax and Service Tax) [More >](#)
- [09/10/2018] - SST Hand-Holding Programmed Organized By RMCD Selangor (Sales Tax and Service Tax) [More >](#)
- [05/10/2018] - User Manual for Online Return and Payment Submission [More >](#)

To the right of the bulletin is a portrait of the Sultan of Johor, Sultan Muhamad V, with the text "Dirgahayu Tuanku" and "JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA".

- Masukkan nombor pendaftaran SST yang tertera pada inbois yang diterima.

The screenshot shows the "STATUS PENDAFTARAN" (Registration Status) page. At the top, it says "Official Website MALAYSIA SALES & SERVICE TAX (SST) Royal Malaysian Customs Department" and has a "HOME" link.

STATUS PENDAFTARAN

REGISTRATION STATUS

Kemudahan ini disediakan untuk menyemak pendaftaran Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan bagi orang berdaftar GST.
This facilities was prepared to check Sales Tax and Service Tax status for existing GST registrant

Sila pilih salah satu pilihan daripada senarai di bawah:-
Please Select one of the Choices:-

A dropdown menu is shown with the following options:

- Please Select --
- Please Select --
- GST Registration No.
- Business Registration Number
- Name of Registered Business
- SST Registration No.